

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABI¹

TAHUN 12 BILANGAN 1 RABU 4 JANUARI, 1967. 1386 رابو 22 رمضان PERCHUMA

TITAH D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN MENYAMBUT TAHUN BARU

BANDAR BRUNEL.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin bertitah melalui Radio Brunei pada hari Ahad 1 Januari, 1967 sa-bagai menyambut Tahun Baru 1967 bahawa Baginda berdo'a ka-hadzrat Allah Subhanahu Wata'ala sa-moga seluroh ra'ayat dan penduduk negara ini akan berada dalam keadaan sehat wal'afiat, aman dan ma'mor di-sa-panjang tahun yang baru ini.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dengan sa-penoh-nya adalah saperti berikut:

"Pada menyambut ketibaan Tahun Baru, Beta merasa amat sukachita kerana berpeluang mengucapkan "SELAMAT TAHUN BARU" kepada seluroh ra'ayat dan penduduk di-negeri ini.

Beta berdo'a ka-hadzrat Allah Subhanahu Wata'ala sa-moga Awang² dan Davang² sekalian akan berada dalam keadaan sehat wal'afiat, aman dan makmor di-sapanjang² tahun hadapan.

LAILA KEMAJUAN

Dalam masa dua belas bulan yang lalu, kita telah menyaksikan banyak perubahan yang kuchar kachir di-dalam dunia di-sekiling kita, tetapi dengan limpah kurnia Tohan, keadaan Negeri Brunei berunsor² ka-arrah kebaikan dan laila kemajuan² yang sachara terator dan damai dalam negeri kita masa ini ada-lah baik.

Kerajaan telah berjaya, dengan kerjasama dan bantuan yang ra'ayat Beta dan penduduk di-negeri Beta menyambut perlaksanaan beberapa rancangan kemajuan bagi mengelokan chara hidup supaya ra'ayat nendapat dan penduduk sekalian akan menikmati



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

laila mutu darjah ilmu pengetahuan hidup yang lebeh tinggi.


Beta telah dapat melihat dengan perasaan yang amat memuaskan betapa giatnya Kerajaan melancarkan rancangan perbekalan elektrik dan Beta percha-ya ra'ayat dan penduduk

di-seluroh negeri akan dapat menggunakan pesawat elektrik ini dalam tahun 1967, perbekalan elektrik yang mana akan memberi satu faedah yang besar kepada ra'ayat dan penduduk sekalian di-sisi ekonomi.

Di-segi pelajaran, Kerajaan Beta tidak ketingga-

lan bagi meninggikan taraf pelajaran dan menggalakkan pada menuntut ilmu pengetahuan. Beberapa rancangan telah pun disediakan dan akan di-laksanakan bagi mengadakan Sekolah² Menengah, Sekolah Latehan Rohani dan

LIHAT MUKA 8



Awang Salleh bin Ibrahim (kanan) Penasehat Rombongan Pengakap dari Negeri Brunei yang menghadiri Jambori Pengakap Malaysia di-Pulau Pinang dalam bulan Disember yang lalu, kelihatan dalam gambar ini berjabat tangan dengan Pengerusi Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei, Awang Norman Bradbury pada masa Rombongan Pengakap tersebut selamat balik ke-Brunei dari Pulau Pinang.

Upacara tersebut telah diadakan di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei pada petang hari Selasa 20 Disember, 1966. Berdiri di-sabalah Awang Bradbury ialah Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh. Awang Bradbury juga telah mengalangkan sa-belas orang lagi Pengakap2 dari Negeri Brunei yang menghadiri Jambori Pengakap tersebut.

MAJLIS BELIA DAERAH BRUNEI DAN MUARA DI-TUBOHKAN

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN. — Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara telah di-tubuhkan dalam satu Mashuarat yang telah di-langsungkan di-Ibu Pejabat Kesatuan Pemuda Pemudi, Sungai Kedayan, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 23 Disember, 1966.

Seramai 36 orang Wakil2 Persatuan2 Belia di-Daerah Brunei dan Muara serta Wakil2 dari Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan Pengelola Persatuan2 Belia Negara, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah telah

hadhir dalam Mashuarat tersebut.

Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah, ketika berucap di-majlis tersebut menegaskan bahawa betapa penting-nya Belia2 di-tiap2 Daerah dalam negeri ini mengadakan Gabungan Persatuan Daerah masing2, demi untuk memperluaskan dan memperteguhkan lagi gerakan Belia dan bagi menyenangkan pehak Kerajaan memberikan bantuan2 dan urusan yang lain kepada Persatuan Belia Daerah masing2 itu.

Di-antara-nya yang telah memberi ucapan di-

majlis itu ia-lah Setia Usaha Agong, Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Awang Yahya bin Md. Yusof.

Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah telah di-lantek dengan sa-bulat suara menjadi Pengerusi persidangan tersebut.

Beliau telah di-bantu oleh Awang Md. Yassin bin Awang Said yang juga di-lantek dengan sa-bulat suara sa-bagai Setia Usaha persidangan itu.

Sa-telah di-bahathkan dengan panjang lebar, Majlis telah bersetuju menubuhkan Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara.

Majlis itu juga, antara lain, telah bersetuju melantek sa-orang wakil dari tiap2 Persatuan Belia di-Daerah Brunei dan Muara menjadi Ahli Jawatan Kuasa Penaia Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara, ia-itu seperti di-bawah ini:

Pengerusi — Awang Pua-sa bin Tudin (Persatuan Belia Sengkurong).

Setia Usaha Agong — Awang Md. Yassin bin Awang Said (Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan).

Ahli2 Jawatan Kuasa — 1. Awang Ali bin Md. Yusof (Persatuan 3PKA). 2. Aw.

Haji Abdullah bin Lakim (Persatuan TIBA). 3. Aw. Umar bin Haji Ismail (Persatuan Pemuda/i Kiulap). 4. Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud (Persatuan PATUH). 5. Awangku Tengah bin Pengiran Abdul Rahman (Persatuan INSAP).

6. Awangku Suhaimi bin Pengiran Wahid (Persatuan Pemuda/i Kampong Sumbiling). 7. Aw. Md. Shahree A. Husaini (Persatuan PERKA). 8. Aw. Ahmad bin Abdul Razak (Persatuan ASTERAWANI). 9. Aw. Sulaiman bin Abdul Wahab (Persatuan Pemuda/i Kampong Pandai Besi). 10. Aw. Puteh bin Jukin (Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei). 11. Aw. Lamat bin Ahim (Persatuan Pemuda/i Kiarong).

Majlis itu di-akhiri dengan Bacaan Do'a Selamat oleh Aw. Haji Abdullah bin Lakim.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulia hari Rabu 4 Januari, 1967 hingga ka-hari Selasa 10 Januari, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari					
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
4Jan.	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12 6.29
5Jan.	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12 6.29
6 Jan.	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14 6.31
7 Jan.	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14 6.31
8 Jan.	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14 6.31
9 Jan.	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14 6.31
10 Jan.	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14 6.31

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada puko! 12.45 tengah hari.

Gunakan-lah

Bahasa

Melayu

MALAM PESTA AIDIL FITRI ANJORAN PERSATUAN "BAKTI"

BANDAR BRUNEI. — Satu Malam Pesta Hari Raya Aidil-Fitri anjoran Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibonda, (BAKTI) Brunei, akan di-adakan pada 14 Januari, 1967, kerana menyambut Hari Raya Aidil-Fitri 1386.

Malam Pesta itu akan dipenuhi dengan berbagai2 acara Peraduan, persembahan Sandiwara Pentas, Lawak Jenaka, Membacha Sajak, Tarian dan Lagu2 Brunei Asli.

Jenis Peraduan yang akan di-adakan itu ia-lah: 1. Peraduan Bintang Aidil-Fitri BAKTI. 2. Peraduan Pakaian Beragam. 3. Peraduan Ratu Kebaya.

Malam Pesta Hari Raya itu akan di-adakan di-Kampung Pekan Lama, Brunei mulai jam 7.30 malam hari tersebut.

Sharat2 Peraduan Bintang Aidil-Fitri:

1. Peraduan ini terbuka kepada Persatuan2 Belia di-Bandar Brunei
2. Umor 15 tahun ka-atas
3. Sa-ramai 2 orang wakil, sa-orang lelaki dan sa-orang wanita hanya akan di-terima.
4. Bayaran untuk masuk peraduan ini ia-lah \$1.00 sahaja bagi tiap2 peserta.
5. Lagu2 yang akan di-pertandingkan ia-lah: Bahagian Lelaki—1. Apa sudah-

nya, 2. Lambaran Terakhir, 3. Salam muhibbah. Bahagian Wanita—1. Kaseh Yang Suchi, 2. Menunggu harapan 3. Janji Yang Palsu.

6. Latehan akan di-adakan pada 11 Jan. 1967 di-Kampung Pekan Lama, Brunei mulai jam 7.30 malam.

Peraduan Pakaian Bera-gam:

1. Peraduan ini hanya terbuka kepada orang2 dewasa yang bermastautin di-Kampung Pekan Lama, Brunei.
2. Umor 19 tahun ka-atas.
3. Ahli2 Persatuan BAKTI yang ingin hendak memasoki peraduan ini ada-lah di-terima.

Peraduan Ratu Kebaya:

1. Peraduan ini hanya terbuka kepada Ahli2 BAKTI.
2. Persatuan2 Belia di-Bandar Brunei yang ingin me-

masoki peraduan ini ada-lah juga di-terima.

3. Umor 16 tahun ka-atas. Sa-buah Badan Ahli2 Jawatan kuasa penyelenggara Malam pesta tersebut telah di-lantek.

Mereka2 itu ia-lah:

Pengerusi: Ak. Metassan Pg. Mohiddin.

Setia Usaha: A. Maiady Sulaiman; Juruachara: Dk. Aisah Pg. Md. Said, Ak. Hassan Pg. Bakar; Pengawas Pentas: Ak. Morni Pg. Duraman, Ak. Idris Pg. Ismail; Bendahari: Ak. Hassan Pg. Md. Yussof; Penyambut: Sabariah Salleh, Dk. Mariam Pg. Mohiddin, Dyg. Sarbanun Othman, Dk. Armah Pg. Damit, Dyg. Salmah Awang, Ak. Hassan Pg. Jeluddin, Ak. Adnan Pg. Abbas, Ak. Adnan Pg. Ahmad.

Pengawas Hadiah: Halim Othman, Ak. Zaidi Pg. Mohammad; Pengawas Minuman: Ak. Hassan Pg. Yussof, Ak. Yussof Pg. Salimin; Pengawas Am: Ak. Halus Pg. Haji Kadar.

Borang2 untuk memasoki peraduan2 boleh-lah di-perolehi dari A. Maiady Sulaiman d/a. Ibu Pejabat Kerja Raya, Brunei dan Ak. Hassan Pg. Bakar d/a. Kampung Pekan Lama, Brunei dan di-kembalikan kepada A. Maiady Sulaiman tidak lewat dari 7 Januari, 1967. Penerima-ma'an yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Anjoran P.M.K.T.

KERIAM. — Persatuan Melayu Keriam Tutong akan mengadakan Malam Ugama dan Rampaian Seni pada Hari Raya Kedua kerana menyambut Hari Raya Aidil Fitri tahun Hijrah 1386 bertempat di-Dewan Persatuan Melayu Keriam Tutong mulai jam 7.30 malam.

Dalam sambutan tersebut, ahli2 P.M.K.T. akan mempersembahkan bebe-

rapa acara di-antara-nya termasuk-lah sa-buah Taridra, Tarian2 Asli, Peraduan2 seperti Peraduan Bintang Hari Raya, Peraduan Ratu Hari Raya dan Peraduan Pakaian Bera-gam.

Peraduan2 tersebut adalah terbuka kepada pemuda-pemudi di-Daerah Tutong, kechuali Peraduan Bintang Hari Raya yang

LIHAT MUKA 6.

Gambar ini di-ambil di-Bangunan Lapangan Terbang Berakas, Brunei baru2 ini sa-belum Qari2 dan Qariah dari Negeri Brunei berlepas dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Membacha Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa. Berdiri dari kanan ka-kiri ia-lah Awang Sabtu bin Ahmad, Awang Damit bin Haji Kawang dan Dayang Damit binte Mohd. Yussof. Berdiri di-kiri sekali ia-lah Dayang Hindut binte Latamat sa-orang Pensharah di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei yang mengiringi Qariah Dayang Damit. — Gambar BPUI.



BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, telah menguchapkan SELAMAT SEJAHTERA kepada seluruh ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei sa-bagai menyambut kelahiran Tahun Baru 1967, melalui Radio Brunei pada hari Ahad 1 Januari, 1967.

Dalam ucapan tersebut, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata bahawa sa-bagai Ketua Pentadbiran Kerajaan Negeri Brunei, beliau merasa suka-chita kerana mendapat peluang pada hari tersebut untuk berucap "kapada Awang2 dan Dayang2 dengan menjelangnya tahun baru."

DAN INI-LAH MASA-NYA

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal selanjutnya berkata: "Hari ini kita sedang berada di-Ambang Pintu Tahun Baru dan ini-lah masa-nya yang terbaik sekali bagi kita menilai kedudukan kita dan juga membuat persediaan bagi menempoh tahun hadapan."

Mula2-nya sekali, saya ingin menguchapkan terima kasih kapada rakan2 saya dalam Majlis Mashuarat Menteri2 atas kerjasama dan persafahaman mereka dalam

tahun yang baru sahaja tamat.

Kemudian saya ingin menyatakan penghargaan saya kapada semua yang berada dalam Perkhidmatan Kerajaan yang telah bekerjasama rapat dan sa-chara jujur dengan saya dalam tahun 1966.

Saya juga tidak lupa menguchapkan terima kasih kapada Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri, Majlis2 Mashuarat Daerah, Majlis2 Mashuarat Mukim, Ketua2 Kampong yang telah membantu Kerajaan dalam tahun lalu. Dan akhir sekali tidak lupa saya menguchapkan terima kasih kapada seluruh ra'ayat dan penduduk dalam negeri ini yang telah memberi kerjasama mereka kapada saya bagi mentadbirkan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Tahun 1966 ia-lah tahun membuat keputusan2 yang mana kebanyakan dari-nya di-buat jauh lebih awal dari masa penglaksanaan-nya ketika mana nanti akan dapat di-buktikan tentang kebijaksanaan atau sa-balek-nya keputusan2 itu.

Sa-bagai Ketua Pentadbir Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, saya sangat sadar tentang tanggung jawab ini dan sebab itu saya merasa terhitung budi kapada semua me-

Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal Menguchapkan Selamat Tahun Baru Kapada Seluruh Ra'ayat dan Penduduk Negara



Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei.

reka yang telah menolong saya membuat keputusan2 tersebut.

Di-antara keputusan2 itu, ia-lah keputusan persetujuan menerima ranchangan2 membena satu rangkaian jalan2 raya bagi kawasan pen-

dalaman negeri ini, pembenaan sa-buah lapangan terbang baru sesuai dengan ZAMAN JET, pembenaan sa-buah pelabuhan baru di-Muara dan lain2 ranchangan yang kecil tetapi penting, yang mana telah di-luluskan

oleh Kerajaan dalam tahun 1966.

Kita telah dapat melihat bahawa sa-tengah2 keputusan yang di-ambil dulu, sudah mulai di-laksanakan, seperti Ranchangan Perbekalan Letrik untuk seluruh negeri, bangunan2 baru untuk Lapau, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, serta langkah2 untuk membesarkan lagi Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan meluaskan Ranchangan Pelajaran Negeri.

Baru2 ini telah berlangsung sidang Majlis Mashuarat Negeri yang memakan masa yang amat panjang, ketika mana saya dan rakan2 saya, telah memberikan pandangan berat terhadap kemajuan politik dan pentadbiran negeri ini sa-chara terator.

Mengenai perkara2 yang berkaitan dengan nasib masa hadapan negeri kita, tanggung jawab yang besar ada-lah terpikul oleh bahu kita untuk membuat keputusan2 yang betul. Maka dengan sebab itu, perkara ini memerlukan banyak kesabaran berfikir dan perun-

dingan sa-belum kita dapat menentukan mengenai tindakan2 yang akan di-ambil di-masa hadapan. Sa-tengah daripada mereka yang membidas tentang kemajuan yang lambat di-chapai dalam hal ehwal negeri ini, mesti-lah ingat bahawa terburu2 itu selalu-nya menemui beberapa kegagalan dan biasa-nya satu2 perkara itu akan berjaya sa-lepas keputusan2 di-buat sa-telah di-adakan perbincangan2 yang mendalam.

Kemajuan sa-mata2 untuk bergerak ka-hadapan, tidak bermata-bahawa kemajuan telah tercapai, kechuali kita sudah berhatij2 bahawa kita akan menuju ka-arrah yang betul.

Sekarang saya ingin menguchapkan SELAMAT TAHUN BARU kapada Awang2 dan Dayang2 sekalian, tahun baru yang penoh dengan kesentosaan dan aman damai, dengan perasaan jujur dan penoh harapan, sa-moga tahun yang akan datang ini bebas dari krisis dan dharurat2 yang nampak-nya terdapat di-mana2 sahaja dalam dunia ini.

Kita telah pun mengalami berbagai2 kekacauan dan saya harap kita dapat mempelajari dari pengalaman2

kita dahulu supaya kita dapat maju bersama2 ka-hadapan menuju ka-satu chara hidup yang lebih baik dan lebih tenteram.

Kapada anggota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pasokan Polis Di-Raja Brunei dan khas-nya anggota2 tentera Kerajaan Baginda Queen yang berada di-Brunei, saya dan rakan sejawatan saya sekalian menguchapkan terima kasih atas

kerjasama yang telah mereka berikan bagi mempertahankan dan mengekalkan keamanan dalam negeri ini.

Mari-lah kita menguchapkan keshukoran kapada Allah Subhanahu Wata'ala kerana limpah kurnia-nya yang telah kita terima dan berdo'a sa-moga tahun yang ka-hadapan ini kita akan menikmati keselamatan dan kemakmoran di-Negeri Brunei Darul-Salam ini."

SELAMAT TAHUN BARU

PELITA BRUNEI menguchapkan SELAMAT TAHUN BARU kapada para pembaca sekalian.

Sa-bagaimana kebiasaan, kelahiran tiap2 tahun baru itu ada-lah di-sambut oleh penduduk2 di-seluruh dunia dengan riang dan gembira.

Tahun Masehi Sa-ribu Sembilan Ratus Enam Puluh Enam telah pun hilang dari mata dan kini, kita sedang berada dalam tahun baru, ia-itu Tahun Masehi 1967.

Pada menyambut ketibaan Tahun Baru 1967, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin bertitah melalui Radio Brunei bahawa Baginda merasa amat suka-chita menguchapkan Selamat Tahun Baru kapada seluruh ra'ayat dan penduduk di-Negeri Brunei.

Baginda berdo'a ka-hadzat Allah Subhanahu wata'ala sa-moga seluruh ra'ayat dan penduduk negara ini akan berada dalam keadaan sehat walafiat dan ma'amor di-sapanjang tahun yang baru ini.

Sementara itu, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un ketika berucap melalui Radio Brunei bagi menyambut kelahiran Tahun Baru pada 1 Januari, 1967, antara lain telah menguchapkan Selamat Tahun Baru kapada seluruh ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei.

Baginda Queen Menganugerahkan Bintang C.B.E. kapada Dato John Lee

LONDON. — Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II telah dengan sukachita Baginda menganugerahkan Bintang Kehormatan Commander of the Order of the British Empire (C.B.E.) kapada Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee, Pegawai Kewangan Negara, Brunei dalam Sinarai Kehormatan Tahun Baru yang di-terbitkan di-London pada 1 Januari, 1967.

Baginda Queen juga telah menganugerahkan Bintang Knight Commander of the Most Honourable Order of the Bath (K.C.B.) kapada bekas Pengarah Gerakan Tentera di-Borneo, Dato Seri Setia Major General G. H. Lea.

Sa-orang lagi Pegawai Tentera yang telah tamat perkhidmatan-nya di-Brunei, ia-itu Dato Setia Lieut. Colonel D. M. Fletcher, bekas Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei telah di-anugerahkan oleh Baginda Queen dengan Bintang Officer of the Most Excellent Order of the British Empire (O.B.E.)


Melihat Anak Bulan Shawal

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dengan kerjasama Pegawai2 dari Jabatan Ukor Negara Brunei akan melihat anak Bulan Shawal Tahun Hijrah 1386 pada petang hari Rabu 11 Januari, 1967.

Jikalau anak bulan Shawal dapat di-lihat pada petang hari tersebut, maka Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada Hari Khamis 12 Januari, 1967.

Sa-kira-nya anak bulan Shawal tidak kelihatan pada petang hari tersebut, maka Umat Islam di-seluruh negara akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada Hari Juma'at 13 Januari, 1967.

Sementara itu Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei mengumomkan bahawa Sembahyang Hari Raya Aidil Fitri akan di-adakan di-semua Masjid2 di-seluruh Negeri Brunei mulai jam 7.30 pagi Hari Raya.



Seramai empat puluh satu orang penuntut2 Brunei yang melanjutkan pelajaran di-Sekolah2 Menengah di-Singapura telah berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura pada Hari Ahad 1 Januari, 1967 sa-lepas mereka berchuti di-Tanah Ayer. Mereka ada-lah mengandungi tiga puluh orang yang belajar di-Sekolah Menengah Telok Kurau, ia-itu dua puluh orang yang belajar Aliran Melayu dan sapuluh orang yang belajar Aliran Inggeris; Sapuluh orang yang belajar Aliran Inggeris di-Sekolah Menengah Kaki Bukit dan sa-orang penuntut yang melanjutkan pelajaran di-Sekolah Menengah Sang Nila Utama, ia-itu Awangku Badaruddin bin Pengiran Ghani.

Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan daripada penuntut2 tersebut pada masa lawatan mereka ka-Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 31 Disember, 1966. Awangku Badaruddin bin Pengiran Ghani, Ketua Penuntut2 Brunei di-Singapura kelihatan berdiri bilangan ke-tujuh dari kiri dalam gambar ini.

JAWATAN KOSONG:

Jururawat2 Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian.

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah meningkat umur 18 tahun. Mereka mesti-lah telah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris, atau kelulusan yang setaraf dengannya.

SUKATAN GAJI:

Dalam Perchubaaan D 1-2 \$210 x 10—260/270 x 15—360. Gaji permulaan bergantung pada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlateh D 3—\$380 x 20—480.

SHARAT2 LANTEKAN:

(a) Pemohon2 yang di-pilih akan menjalani latehan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlateh di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Lazim-nya latehan ini memakan masa selama tiga tahun. Setelah memperolehi Sijil Jururawat Terlateh, pemohon2 ada-lah berhak di-tetapkan sebagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan, Brunei.

(b) Pakaian seragam adalah di-beri perchubaaan akan di-sediakan. Jururawat Perchubaaan akan menerima Alaon Dhoobi dan Alaon Makkan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Januari, 1967.

JAWATAN KOSONG:

Juru Trengkas Melayu di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Juru Trengkas Melayu di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 \$380 x 20—480/EB/500 x 20—620. Gaji permulaan bergantung

SAMBUTAN MALAM NUZUL AL-QUR'AN DI-KAMPONG BURONG

KAMPONG BURONG PINGAI.—Penduduk2 Kampung Burong Pingai Laut telah mengadakan sambutan Malam Nuzul Al-Qur'an di-Balai Muafakat, kampung tersebut pada malam 31 Disember, 1966.

Berbagai2 achara telah di-adakan bagi menyambut malam tersebut di-antaranya ia-lah Peraduan2 Membacha Al-Qur'an, Sharahan, Sajak dan persembahan Nashid.

Dalam Peraduan Bachaan Al-Qur'an Bahagian Lelaki, Awang Mohamed Tahir bin Jaafar telah mendapat tempat pertama, Awang Sulaiman bin Nasir

PINGAI LAUT

yang kedua dan Awang Abdul Rahman bin Latif mendapat tempat yang ketiga.

Dalam Peraduan Bachaan Al-Qur'an Bahagian Perempuan, Dayang Masni bte Haji Osman mendapat tempat yang pertama, Dayang Safiah binte Mohamed Yusof mendapat tempat yang kedua dan Dayang Saliha binte Latif tempat yang ketiga.

Dalam bahagian Sharahan, Dayang Salmiah binte Haji Osman mendapat

tempat yang pertama, Awang Mohamed Yusof bin Ladi tempat yang kedua dan Awang Omar Saidi bin Yakut mendapat tempat yang ketiga.

Dalam bahagian Membacha Sajak, Dayang Zaini binte Pehin Khatib Haji Mohsin telah mendapat tempat yang pertama, Awang Omar Saidi bin Yakut tempat yang kedua dan Awang Mohamed Yusof bin Ladi mendapat tempat yang ketiga.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Dimulikan Pehin Khatib Haji Mohsin, Ketua Kampung Burong Pingai.

PEGAWAI2 BARU PERSATUAN

"BAKTI"

KAMPONG PEKAN LAMA.—Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibonda (rengkas-nya "BAKTI") Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong Tahunan-nya bertempat di-Rumah Sementara Persatuan BAKTI di-Kampung Pekan Lama, Brunei pada hari Juma'at 23 Disember, 1966.

Majlis itu telah di-Pengerusikan oleh Awang Maiady Sulaiman, Pemangku Setia Usaha Agong Persatuan BAKTI bagi tahun 1966.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Persatuan BAKTI untuk tahun 1967 yang telah dilantik dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua Awangku Metassan Pengiran Mohiddin. Naib Yang Dipertua I—

FITRAH

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin memalumkan kepada Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei bahawa ketetapan Fitrah bagi tahun Hijrah 1386 ia-lah sa-banyak \$1.57 sen bagi tiap2 sa-orang.

Dayangku Aisah Pengiran Md. Said. Naib Yang Dipertua II—Awangku Halus Pengiran Haji Kadar.

Setia Usaha Agong — A. Maiady Sulaiman. Penolong Setia Usaha Agong I — Awangku Hassan Pengiran Bakar. Penolong Setia Usaha Agong II — Awang Mohd. Said Duraman.

Bendahari Kehormat — Awangku Hassan Pengiran Yussof. Naib Bendahari Kehormat — Awangku Zaidie Pengiran Mohammad.

Setia Usaha Pelajaran dan Persuratan — Dayangku Armah Pengiran Damit. Naib Setia Usaha Pelajaran dan Persuratan—Awangku Mahmud Pengiran Damit.

Setia Usaha Kesenian dan Kebudayaan — Dayangku Armah Pengiran Bakar. Naib Setia Usaha Kesenian dan Kebudayaan — Awangku Yussof Pengiran Salimin.

Setia Usaha Penerangan—Awang Abdul Halim Othman. Naib Setia Usaha Penerangan — Dayang Sarbanun Othman.

Setia Usaha Sosial—Awang Apang bin Omar. Naib Setia Usaha Sosial—Dayangku

Zubaidah Pengiran Md. Said.

Pemereksa Kira2 I — Awangku Bakar Pengiran Abdul Rahman dan Pemereksa Kira2 II—Awangku Adnan Pengiran Abbas.—Berita Kiriman — A. Maiady Sulaiman.

Sambutan Hari Raya

Aidil Fitri....

DARI MUKA 3.

terbuka hanya kepada ahli2 persatuan tersebut sahaja.

Peserta2 yang ingin menyertai dalam peraduan2 tersebut, ada-lah di-persilakan menghantar nama mereka kepada Setia Usaha Persembahan, Persatuan Melayu Keriam Tutong.

Sementara itu, menurut Setia Usaha, Sambutan Hari Raya P.M.K.T., Awang Junaidi bin O.K. Setia Negara Md. Safar, pada peringkat permulaan sambutan tersebut akan di-persembahkan Bachaan Ayat Suchi Al-Qur'an oleh Johan Bachaan Al-Qur'an Sa-Negeri Brunei, Bahagian Kanak2 Sekolah Tahun 1964, Dayang Fatimah binte Simpol.

Tidak ketinggalan juga, kata Awang Junaidi, akan di-adakan persembahan Gambus dan Nashid di-bawah pimpinan Ustadz Abdul Kadir Awang serta persembahan Membacha Sajak di-temasha sambutan tersebut.

Ahli2 Jawatan Kuasa Persatuan Melayu Keriam Tutong dengan sukacita menjemput orang ramai menghadiri Sambutan Malam Ugama dan Ramapaian Seni kerana menyambut Hari Raya Aidil Fitri di-Dewan P.M.K.T. pada malam tersebut.

Pendaftaran Sa-mula Kereta2 Untok Tahun 1967



Pendaftaran sa-mula kereta2 untok tahun 1967 telah berakhir pada hari Sabtu 31 Disember, 1966. Pada sa-panjang waktu bekerja hari tersebut, pemandu2 kereta di-Daerah Brunei dan Muara serta dari Daerah Tutong yang belum lagi mendaftarkan sa-mula kereta masing2 bagi Tahun 1967 telah membanjiri Pejabat Kenderaan Darat di-Bandar Brunei untok memperolehi lesen2 baru untok kereta2 mereka.

Dalam gambar atas kelihatan Pegawai2 dari Jabatan Kenderaan Darat di-Bandar Brunei sibok menjalankan tugas masing2 pada hari tersebut.

Dalam gambar bawah pula kelihatan sa-bilangan daripada kereta2 di-kawasan Pejabat Kenderaan Darat di-Bandar Brunei pada hari tersebut sa-waktu di-adakan pendaftaran sa-mula kereta2 untok tahun 1967.



Qari2 dan Qariah dari Brunei ka-Kuala Lumpur

BERAKAS. — Dua orang Qari dan sa-orang Qariah yang telah berjaya dalam Pertandingan Membacha Kitab Suchi Al-Qur'an Ke-Johanan Sa-Negeri Brunei pada tahun Hijrah 1386 telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Kuala Lumpur pada 27 Disember, 1966 untuk mewakili Negeri Brunei dalam Pertandingan Membacha Kitab Suchi Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa di-Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah Awang Sabtu bin Ahmad, Awang Damit bin Haji Kawang dan Dayang Damit binte Md. Yusof.

Di-antara ramai orang yang hadir di-Lapangan Terbang Brunei untuk mengucapkan "Selamat Berangkat ka-Kuala Lumpur dan Berjaya dalam Pertandingan Membacha Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa" ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan Pegawai2 Ugama.

Qari2 dan Qariah tersebut telah di-iringi oleh Pemangku Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Awang Abdullah bin Metassan (Ketua Rombongan); Pen. Pengarang Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Awang Md. Ali bin Md. Yusof dan Dayang Hindut binte Latam, sa-orang Pensharah di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Hari2 Kelepasan Awam Di-Negeri Brunei Tahun 1967

ADA-LAH dengan ini di-beritahu bagi pengetahuan ramai bahawa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam Majlis Mashuarat telah mengishtiharkan bahawa hari2 yang berikut ada-lah Hari2 Kelepasan Awam di-Negeri Brunei bagi tahun 1967:

Awal Tahun Masehi

— Hari Ithnin 2 Januari (sebagai ganti Hari Ahad 1 Januari).

@ Hari Raya Puasa dan hari berikut-nya

— Hari Sabtu 14 Januari dan Hari Ithnin 16 Januari (sebagai ganti Hari Juma'at 13 Januari).

Tahun Baru China

— Hari Khamis 9 Februari.

@ Hari Raya Haji dan hari berikut-nya

— Hari Rabu 22 Mach dan Hari Khamis 23 Mach.

@ Awal Tahun Hijrah 1387

— Hari Thalatha 11 April.

Hari Keputeraan Baginda Queen

— Hari Sabtu 10 Jun.

@ Maulud

— Hari Thalatha 20 Jun.

Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan

— Hari Sabtu 23 September.

Hari Perlembagaan

— Hari Sabtu 30 September (sebagai ganti Hari Juma'at 29 September).

@ Me'raj

— Hari Thalatha 31 Oktober.

@ Awal Ramadhan

— Hari Ithnin 4 Disember (sebagai ganti Hari Ahad 3 Disember).

Hari Krismas dan hari berikut-nya

— Hari Ithnin 25 Disember dan Hari Thalatha 26 Disember.

@ Terta'alok kapada perubahan.

TITAH D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN MENYAMBUT TAHUN BARU

DARI MUKA 1

Jasmani, Sekolah2 Pertukangan — kesemua-nya ini dengan harapan bagi membolehkan anak2 kita memperoleh pelajaran yang sahukop2-nya untuk menghias diri mereka bagi kepentingan laila kemajuan negeri di-masa2 yang akan datang.

Selain dari kemajuan2 yang tersebut, kita juga telah menekmati laila ketenteraman hati, hasil-nya ia-lah dari kerjasama dan percha/a memperchayai laila jujur di-antara satu sama lain di-kalangan semua kaum di-negeri ini. Beta berdo'a ka-hadzat Illahi sa-moga laila ketenteraman sa-demikian akan berkekalan sa-lama2-nya.

Kapada semua anggota Tentera Kerajaan Baginda Queen, kapada anggota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei dan anggota2 Pasokan Polis Di-Raja Brunei dan semua Pegawai2 Kerajaan Beta, Beta dan keluarga Beta mengambil kesempatan mengucapkan satinggi2 terima kaseh atas kerjasama yang telah mereka berikan dengan tabah dan jujur bagi menjaga keselamatan, kemakmoran, mempulehkan laila ketenteraman dan pada memelihara nama baik Brunei Darul-Salam.

Beta juga mengucapkan terima kaseh kapada Kerajaan Baginda Queen yang telah memberikan bantuan yang tidak dapat di-nilai dalam usaha pada menuaikan permintaan Kerajaan Beta bagi mendapatkan dan meminjamkan Pegawai2 British untuk berkhidmat bagi kepentingan Negara Brunei.

Beta akhiri dengan mengucapkan SELAMAT TAHUN BARU kapada sekalian ra'ayat dan penduduk di-Negeri ini dan Beta berdo'a sa-moga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan kapada ra'ayat dan penduduk di-negeri ini sehat laila sejahtera di-dalam aman laila sentosa. Terima kaseh."

M.M.N. Meluluskan Rang Undang2 Peruntokkan bagi Perkhidmatan Tahun 1967

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 28 Disember, 1966 telah meluluskan satu Rang Undang2 Peruntokkan bagi perkhidmatan tahun 1967.

Rang Undang2 tersebut ia-lah untuk mengeluarkan

wang yang tidak lebih dari \$148,558,000 dari kumpolan wang yang di-satukan bagi perkhidmatan tahun 1967 yang di-untokkan kerana maksud2 yang tertentu.

Rang Undang2 tersebut telah di-chadangkan oleh

Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee dan telah di-binchangkan selama tiga hari.

Peruntokkan yang terbesar sekali dalam rang undang2 itu ia-lah empat puluh juta ringgit bagi kemajuan, dan di-ikuti pula oleh peruntokkan Askar Melayu Diraja Brunei yang berjumlah dua puluh lima juta, satu ratus enam puluh dua ribu, tiga ratus lima puluh lima ringgit.

Peruntokkan bagi pelajaran ia-lah berjumlah lima belas juta, enam puluh satu ribu, dua ratus lapan puluh enam ringgit dan peruntokkan bagi perkhidmatan2 rampaian ia-lah sa-puluh juta empat ratus lapan puluh dua ribu, empat ratus tiga puluh tujuh ringgit.

kawasan Malaysia Barat selama dua minggu.

Pegawai2 Imigresen tersebut di-ketuai oleh Awang Saidin bin Taram. Pegawai2 Imigresen yang lain ia-lah: Awang Abdul Latif bin Abdul Rahman, Awang Mohamed Daud bin Taha, Awang Zainal bin Ampuan Yusof dan Awang Ja'afar bin Abdul Latif.

Pegawai2 Imigresen Brunei Melawat Malaysia Barat

BERAKAS. — Seramai lima orang Pegawai2 Imigresen dari Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur pada tengah hari Ahad 1 Januari, 1967 untuk melawat sambil mempelajari perkara2 mengenai Imigresen di-Pejabat2 Imigresen di-Kuala Lumpur dan juga di-lain2 tempat di-